

TERHAD



i-MODUL KECEMERLANGAN SPM SMKA 2024

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2024**

**SEJARAH
KERTAS 1
Ogos/ Sept
1 jam**

1249/1

Satu Jam

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. **Kertas jawapan objektif** *hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 13 halaman bercetak

1249/1@2024 Hak Cipta Majlis Pengetua SMKA

TERHAD

- 1 Antara yang berikut, manakah ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu?
- A Sultan
 - B Kerajaan
 - C Undang-undang
 - D Lambang kebesaran
- 2 Apakah peranan seorang pembesar dalam pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka?
- A Mewujudkan perpaduan rakyat
 - B Menggubal undang-undang negara
 - C Menunjukkan taat setia kepada pemerintah
 - D Menjadi perantara antara sultan dengan rakyat
- 3 Mahatma Ghandi menjadikan *satyagraha* sebagai pegangan untuk menggerakkan nasionalisme di India
- Bagaimanakah *satyagraha* mempengaruhi gerakan nasionalisme di negara tersebut?
- A Bergerak secara radikal
 - B Berjuang secara gerila
 - C Berjuang tanpa keganasan
 - D Berunding dengan penjajah
- 4 Persaudaraan Sahabat Pena atau PASPAM telah ditubuhkan pada tahun 1934 di Pulau Pinang.
- Apakah matlamat penubuhan persatuan tersebut?
- A Menghasilkan penulisan kesedaran nasionalisme
 - B Menggalakkan ahlinya bersatu padu
 - C Mengumpulkan golongan pemuda
 - D Menuntut kemerdekaan

[Lihat halaman sebelah

5 Yang manakah berikut merupakan kesan Perang Dunia Pertama?

- I Keruntuhan pemerintahan beraja
 - II Kemunculan negara baharu
 - III Peluasan kuasa Jepun
 - IV Pengeboman Britain
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

6 Tokoh-tokoh berikut telah berkorban demi negara dan bangsa.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Leftenan Ibrahim Alla Ditta MC• Koperal Yaakob Bidin |
|---|

Mengapakah mereka disanjung?

- A Berperang dengan komunis
 - B Berjuang menghalau British
 - C Berusaha menentang Jepun
 - D Bekerjasama dengan Force 136
-
- 7 Antara berikut yang manakah cara bantahan Raja-Raja Melayu terhadap penentangan\ Malayan Union?
- A Mengadap Ratu England
 - B Menghantar surat bantahan ke PBB
 - C Menulis bantahan dalam akhbar tempatan
 - D Membawa kes Malayan Union ke Mahkamah Tinggi England

[Lihat halaman sebelah

- 8 Pada tahun 1946, Syarikat Borneo Utara British (SBUB) menandatangani satu perjanjian dengan kerajaan British untuk menyerahkan Sabah menjadi tanah jajahan British.

Mengapakah SBUB bersetuju menyerahkan Sabah kepada kerajaan British?

- A Desakan kerajaan British
- B Perebutan kuasa pemerintahan
- C Masalah pewarisan takhta kerajaan
- D Kekurangan dana untuk membangunkan Sabah

- 9 Matlamat penubuhan Jawatankuasa Kerja adalah untuk membincangkan asas Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Siapakah yang menganggotai jawatankuasa tersebut?

- I Wakil Raja-raja Melayu
 - II Wakil orang dagang
 - III Gabenor Jeneral
 - IV Wakil UMNO
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 10 Mengapakah pentadbir British menyokong penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948?

- A Mengelakkan Tanah Melayu diancam oleh kuasa luar
- B Membela nasib Raja-raja Melayu dan penduduk tempatan
- C Mewujudkan keamanan, kestabilan dan kemajuan ekonomi
- D Mengukuhkan penguasaan British terhadap Tanah Melayu

[Lihat halaman sebelah

- 11 Sasaran utama serangan komunis ialah kawasan ladang getah dan lombong bijih timah.
Mengapakah pihak komunis bertindak sedemikian?
- A Mewujudkan jurang ekonomi
 - B Meningkatkan kadar kemiskinan
 - C Mengganggu aktiviti harian masyarakat
 - D Melemahkan kedudukan ekonomi British
- 12 Mengapakah rancangan penempatan semula Kampung Baru merenggangkan hubungan kaum?
- A Penguasaan komunis terhadap Kampung Baru
 - B Ramai orang Cina menyertai komunis
 - C Penempatan berasaskan kaum
 - D Tidak melibatkan kaum India
- 13 Mengapakah Sistem Ahli diperkenalkan di Tanah Melayu?
- A Melatih penduduk tempatan menerajui pentadbiran
 - B Merangka perlembagaan negara yang akan merdeka
 - C Memperkasakan sistem pendidikan kebangsaan
 - D Melaksanakan pilihan raya pertama yang adil
- 14 Laporan Fenn-Wu mencadangkan penambahbaikan untuk menjadikan sekolah Cina sebagai institusi yang memberikan faedah kepada penduduk Tanah Melayu.
Yang manakah **benar** tentang kandungan Laporan Fenn-Wu?
- A Sekolah rendah dan sekolah menengah menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar di sekolah
 - B Sekolah Cina diteruskan dengan digabungkan di bawah sistem kebangsaan
 - C Bahasa Cina diajar sebagai bahasa ketiga di sekolah rendah sekiranya terdapat 15 orang murid dalam kumpulan yang sama
 - D Pendidikan sekolah Cina haruslah berorientasikan Tanah Melayu

[Lihat halaman sebelah

- 15 Maklumat berikut berkaitan dengan proses Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.

- Penentuan sempadan kawasan pilihan raya
- Pendaftaran pengundi
- Penamaan calon
- X

Apakah X?

- A Pengiraan undi
- B Kempen pilihan raya
- C Semakan kelayakan pengundi
- D Penyerahan simbol parti bertanding
- 16 Antara yang berikut, yang manakah peranan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu?
- I Membincangkan isu keselamatan dalam negeri
- II Mengurangkan kuasa pentadbir British
- III Menghalau British dari Tanah Melayu
- IV Mengharamkan Parti Komunis Malaya
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV
- 17 Yang manakah perkara yang dituntut oleh British dalam rundingan kemerdekaan di London?
- A Pihak British dan Komanwel akan memberikan bantuan seperti pertahanan kepada Persekutuan Tanah Melayu
- B Menghapuskan jawatan Setiausaha Kewangan dan digantikan dengan Menteri Kewangan
- C Menuntut agar Menteri Hal Ehwal Ekonomi hendaklah dalam kalangan rakyat Persekutuan Tanah Melayu
- D Menuntut tarikh kemerdekaan tidak lewat dari 31 Ogos 1957

[Lihat halaman sebelah

- 18 Berdasarkan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957, bagaimanakah pemilihan Yang di-Pertuan Agong dilakukan ?
- A Lantikan rakyat
 - B Dicalonkan oleh Perdana Menteri
 - C Dilantik dalam kalangan Raja-Raja Melayu
 - D Mempunyai latar belakang pendidikan yang cemerlang
- 19 Mengapakah Bendera Union Jack telah diturunkan oleh Tahir Abdul Majid pada 31 Ogos 1957 ?
- A Penukaran bendera baharu
 - B Tamatnya penjajahan British
 - C Gagasan Malaysia diisytiharkan
 - D Berakhirnya Pentadbiran Tentera British.
- 20 Mengapakah Persekutuan Tanah Melayu dikatakan memiliki prinsip kedaulatan ?
- I Pengiktirafan sebagai rakyat
 - II Memiliki lambang kebangsaan
 - III Menjalinkan hubungan antarabangsa
 - IV Perpaduan kalangan rakyat yang utuh
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 21 Kedaulatan berasal daripada perkataan Arab '*daulah*' yang bermaksud
- A Kekuasaan tertinggi
 - B Negara bebas dan merdeka
 - C Kuasa pemerintahan sesebuah kerajaan
 - D Negara berkuasa penuh dalam pemerintahan

[Lihat halaman sebelah

- 22 Manakah antara berikut merupakan langkah dalam mempertahankan kedaulatan negara?
- A Menstabilkan ekonomi
 - B Mengukuhkan semangat kenegerian
 - C Mengekalkan perpaduan di kalangan kaum
 - D Menambahkan keahlian dalam parti politik

- 23 Apakah ciri-ciri tradisional yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan?

- I Agama Islam
 - II Kewarganegaraan
 - III Kerajaan Persekutuan
 - IV Kedudukan orang Melayu dan Bumiputera
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 24 Maklumat berikut berkaitan dengan pindaan Perlembagaan 1965.


Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj membawa usul pindaan perlembagaan yang dinamakan pindaan Singapura pada 7 ogos 1965.

Apakah badan yang berkuasa meluluskan pindaan perlembagaan tersebut?

- A Parlimen
- B Jemaah Menteri
- C Majlis Raja-Raja
- D Dewan Undangan Negeri

[Lihat halaman sebelah

- 25 Seorang pegawai tertinggi angkatan tentera telah dijatuhi hukuman. Pihak manakah yang berkuasa memberi pengampunan kepada pegawai tersebut?
- A Perdana Menteri
 - B Menteri Pertahanan
 - C Yang di-Pertuan Agong
 - D Mahkamah Persekutuan
- 26 Bagaimanakah mekanisme semak dan imbang telah berperanan memastikan kestabilan negara ?
- A Mengekalkan status quo orang Melayu
 - B Memudahkan dasar kerajaan diluluskan
 - C Mengatasi kemasukan pengaruh luar
 - D Meredakan pertikaian parti politik
- 27 Peta menunjukkan antara kawasan perlindungan hidupan liar dan taman negara di Semenanjung Malaysia.



Apakah agensi yang menguruskan taman negara tersebut?

- A PBB
- B UNESCO
- C ESSCOM
- D PERHILITAN

[Lihat halaman sebelah

28 Manakah antara berikut yang terkandung dalam Senarai Bersama?

- A Pertahanan
- B Perumahan
- C Kerajaan tempatan
- D Undang-undang Islam

29 Jadual di bawah menunjukkan isi laporan Suruhanjaya Cobbold pada tahun 1962.

- X
- Mengesyorkan agar Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dijadikan asas Perlembagaan Persekutuan yang baharu
- Kuasa autonomi dan jaminan khas diberi kepada Sarawak dan Sabah

Apakah X?

- A Rundingan diteruskan dengan Filipina berkaitan Sabah
 - B Dua pertiga penduduk menyokong pembentukan Malaysia
 - C Islam dicadangkan menjadi agama rasmi di Sarawak dan Sabah
 - D Sistem pendidikan dikekalkan di bawah kawalan kerajaan negeri
- 30 Apakah prinsip utama Perjanjian Malaysia yang ditandatangani pada 9 Julai 1963 di London?
- A Mengutamakan kedudukan peribumi
 - B Mengiktiraf hak yang sama pada semua negeri
 - C Mewujudkan integrasi nasional antara penduduk
 - D Mengambil kira persekitaran sosioekonomi negeri
- 31 Saiz negeri Sarawak dan Sabah menjadi cabaran dalam bidang perhubungan dan pengangkutan.

Mengapakah cabaran tersebut wujud?

- A Kekurangan dana
- B Ketidakstabilan politik
- C Kelemahan sistem pentadbiran
- D Kebergantungan kepada pengangkutan air

[Lihat halaman sebelah

32 Apakah faktor ekonomi yang menjadi sebab pemisahan Singapura daripada Malaysia ?

- I Penambahan cukai
- II Pembinaan pelabuhan bebas
- III Pengecualian kadar faedah
- IV Pembukaan pasaran bersama disegerakan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

33 Manakah antara berikut merupakan prinsip utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan?

- I Islam menjadi unsur terpenting
- II Berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau Melayu
- III Penerimaan aspek kebudayaan Barat yang relevan
- IV Penerimaan unsur kebudayaan semua kaum di Malaysia

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

34 Rukun Negara ialah ikrar yang perlu dihayati oleh rakyat Malaysia.

Apakah kesan ikrar tersebut terhadap negara?

- I Memupuk keharmonian negara
- II Memantapkan hubungan serantau
- III Memperkasa semangat kenegerian
- IV Meningkatkan kesejahteraan rakyat

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

[Lihat halaman sebelah

- 35 Apakah matlamat Rancangan Buku Hijau yang telah dilancarkan oleh Tun Abdul Razak pada tahun 1974?
- A Pembukaan kawasan baharu tanaman komersil
 - B Memajukan pelbagai jenis perindustrian dan perniagaan
 - C Menyediakan kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik
 - D Menambah pendapatan rakyat dan pengeluaran bahan makanan
- 36 Bagaimanakah pengenalan Zon Perindustrian Bebas dapat memajukan sektor perindustrian negara ?
- I Bandar terancang
 - II Menarik pengusaha melabur
 - III Merangsang ekonomi kawasan sekitar
 - IV Pusat penyelidikan dan inovasi jangka panjang
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 37 Malaysia memberikan komitmen dan kerjasama yang penuh kepada PBB sejajar dengan pendirian Malaysia dalam soal antarabangsa iaitu
- A Hidup bersama secara aman
 - B Mengawasi gencatan senjata
 - C Membaiki taraf hidup penduduk
 - D Meningkatkan kerjasama ketenteraan

[Lihat halaman sebelah

- 38 Tunku Abdul Rahman telah mencetuskan idea penubuhan OIC pada tahun 1971. Apakah matlamat penubuhan pertubuhan tersebut?
- A Mengekalkan keamanan dunia
 - B Memperjuangkan hak asasi manusia
 - C Meningkatkan hubungan perdagangan
 - D Menjaga kepentingan masyarakat Islam
- 39 Apakah isu global kontemporari yang turut dihadapi oleh Malaysia?
- A Pencerobohan
 - B Kekurangan sumber
 - C Pertindihan sempadan
 - D Kejatuhan harga bijih timah
- 40 Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada penglibatan Malaysia dalam isu kemanusiaan



Bagaimanakah program ini membantu rakyat Palestin?

- A Membekalkan makanan
- B Menjana semula ekonomi
- C Penubuhan pusat pengajian
- D Menjalankan misi pengaman

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT